

PENGASIMILASIAN CARA HIDUP ORANG ASAL KE ATAS ORANG PERANTAU DALAM MEMBENTUK KEHIDUPAN DI JOHOL

(THE ASSIMILATION OF INDIGENOUS PEOPLE'S WAY OF LIFE INTO THE MIGRANTS IN SHAPING
LIFE IN JOHOL)

DAMIN, Z. A.^{1,2*} – ANI, F.^{1,2} – HAMZAH, S.^{1,2} – RAMELI, N.^{1,2} – RAZALI, N. A.² – HALIM, H.² –
SALEH, N. S.² – RAHMAN, R.² – RAZALI, N. A.² – JAES, L.²

¹ *Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah, Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia, Batu Pahat, Malaysia.*

² *Pusat Pengajian Umum dan Ko-Kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu
Pahat, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: zahruld[at]uthm.edu.my*

(Received 10th September 2025; revised 25th November 2025; accepted 02nd December 2025)

Abstrak. Cara hidup dalam kalangan Orang Asal dan Orang Perantau merupakan isu yang sering diperdebat dari perspektif sains sosial melibatkan bidang sosiologi. Di Johol, Orang Asal yang terdiri daripada Orang Asli walau bagaimanapun diprasangka terserap cara hidupnya ke dalam cara hidup Orang Perantau yang terdiri daripada Orang Melayu Minang. Hal ini disebabkan cara hidup Melayu secara amnya dianggap dominan di negara Malaysia. Berikutan daripada isu ini, maka timbul persoalan adakah cara hidup Orang Asal terserap dalam kehidupan Orang Perantau? Atau sebaliknya, adakah cara hidup Orang Perantau yang terserap? Lantaran itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti pertembungan cara hidup Orang Asal dan Orang Perantau serta asimilasi yang melibatkan kedua-duanya. Penelitian dibuat dalam ruang lingkup asimilasi budaya yang melibatkan asas pemerintahan, kepercayaan dan adat. Oleh demikian, pendekatan kualitatif adalah diguna pakai dengan melaksanakan temu bual separa berstruktur. Temu bual terhadap enam informan terpilih telah dilaksanakan di Johol - Negeri Sembilan di antara 23 Jun 2022 hingga 12 Januari 2023. Hasil daripada pungutan data mendapati bahawa cara hidup Orang Asal telah dijadikan teras dan masih kekal dalam kehidupan di Johol. Namun begitu, cara hidup Orang Asal pada masa yang sama didapati telah dilenturkan untuk menerima perubahan hasil pertembungan cara hidup. Asas pemerintahan didapati telah dibahagikan dengan jelas iaitu Orang Asal ditumpukan di hutan dan Orang Perantau bertumpu di kampung. Sementara aspek kepercayaan memperlihatkan pegangan animisme oleh Orang Asal telah bertukar kepada Islam sungguhpun tidak sepenuhnya. Manakala, pengamalan adat oleh Orang Asal yang dikenali sebagai Adat Bona telah menunjangi adat Orang Perantau selagi mana ia tidak bertentangan dengan syariat Islam. Konklusinya, cara hidup Orang Asal dan Orang Perantau didapati telah mengalami perlenturan bagi membolehkan penerimaan cara hidup sebahagiannya demi berkelangsungan. Cara hidup unik dan harmoni ini mempotretkan bahawa toleransi untuk mewujudkan kehidupan yang damai adalah diutamakan.

Katakunci: *cara hidup, orang asal, orang perantau, pengasimilasian*

Abstract. The way of life among the Indigenous People and Migrants is a frequently debated issue from the perspective of social sciences, particularly in the field of sociology. In Johol, the Indigenous People, consisting of the Orang Asli, are often presumed to have assimilated their way of life into that of the Migrants, who are primarily the Malay Minang community. This perception arises because the Malay way of life is generally considered dominant in Malaysia. Given this issue, questions arise: Has the way of life of the Indigenous People been assimilated into that of the Migrants? Or conversely, has the Migrants' way of life been assimilated? Therefore, this article aims to examine the cultural encounter between the Indigenous People and the Migrants, as well as the assimilation involving both groups. The study is conducted within the framework of cultural assimilation, focusing on governance, beliefs, and

customs. A qualitative approach was adopted, employing semi-structured interviews. Interviews with six selected informants were conducted in Johol, Negeri Sembilan, between June 23, 2022, and January 12, 2023. The findings reveal that the Indigenous People's way of life remains fundamental and persists in Johol. However, at the same time, it has also been adapted to accommodate changes resulting from cultural encounters. Governance structures were found to be clearly divided, with the Indigenous People centered in the forests and the Migrants in the villages. In terms of beliefs, the Indigenous People's animistic practices have largely transitioned to Islam, although not entirely. Meanwhile, the customs of the Indigenous People, known as Adat Bona, have formed the foundation of the Migrants' customs, as long as they do not contradict Islamic principles. In conclusion, the way of life of both the Indigenous People and the Migrants has undergone adaptations, enabling partial acceptance for the sake of continuity. This unique and harmonious way of life reflects that tolerance is prioritized in fostering a peaceful coexistence.

Keywords: *way of life, indigenous people, migrants, assimilation*

Pengenalan

Penelitian ke atas pengasimulasian cara hidup Orang Asal ke atas Orang Perantau dalam membentuk kehidupan di Johol menampakkan keunikan namun pada masa yang sama turut terikat dengan permasalahan. Benar bahawa secara teoritikalnya kelompok minoriti pada ketika itu iaitu Orang Perantau dilihat akan menyerap cara hidup kelompok dominan iaitu Orang Asal untuk mewujudkan suatu cara hidup. Namun, adakah pandangan ini boleh dianggap sah atau betul? Sementara itu, wujud pula sumber lisan menyatakan bahawa cara hidup Orang Asal iaitu kelompok dominan didapati telah disesuaikan dengan cara hidup kelompok minoriti iaitu Orang Perantau. Hasil daripada permasalahan ini, maka timbul persoalan adakah cara hidup Orang Perantau terserap dalam kehidupan Orang Asal? Atau sebaliknya, adakah cara hidup Orang Asal yang terserap? Selari dengan perkara ini, maka penulisan yang digarap mempunyai tujuan untuk membincangkan asimilasi berhubung cara hidup yang berlaku dalam kalangan Orang Asal dan Orang Perantau di Johol. Signifikan daripada kerja ini adalah untuk membuktikan bahawa masyarakat yang hidup di Johol amat menekankan kehidupan yang bertoleransi sehinggakan cara hidup mereka boleh dipinjam dan diterima secara bersama tanpa menghilangkan identiti masing-masing. Hakikatnya, hasil pertembungan cara hidup di antara Orang Asal dan Orang Perantau ini didapati telah mengukuhkan pendirian bahawa cara hidup mereka telah berasimilasi kedua-duanya namun masih berpegang kepada cara hidup Orang Asal sebagai teras kehidupan tanpa menghilangkan ciri-ciri Orang Perantau. Maka, pertembungan cara hidup di antara Orang Asal dan Orang Perantau ini telah menjadi motivasi kepada kerja penelitian. Hal ini penting untuk diteliti kena cara hidup unik tersebut yang mementingkan toleransi adalah perlu dicatatkan secara bertulis memandangkan kebanyakan rekod terdahulu dibuat secara lisan iaitu dari mulut ke mulut. Tambahan, cara hidup orang Johol menerusi aturan adat adalah semakin dilupakan. Perkara ini berlaku disebabkan generasi pada hari ini memiliki sikap kurang endah terhadap waris pusaka adat memandangkan ramai di antaranya telah berhijrah ke kawasan luar. Oleh demikian, pengetahuan ke atas adat didapati semakin pudar dan hilang.

Sorotan literatur

Orang Asal adalah masyarakat awal yang telah lama bertapak di Johol, Negeri Sembilan. Mereka adalah kaum Asli dari cabang Jakun dan kaum ini mengamalkan cara hidup tersendiri yang kaya dengan adat resam serta budaya. Cara hidup ini adalah meliputi kepercayaan, tradisi dan nilai-nilai dipegang yang akhirnya membentuk identiti

diri Orang Asal. Kehidupan yang ringkas namun mempamerkan kepintaran tempatan adalah digunakan untuk mengendalikan perihal hidup sehari-harian. Cara hidup Orang Asal yang dipamerkan ini didapati amat dipengaruhi oleh alam berikutan mereka menetap di dalam hutan untuk berkehidupan. Namun, cara hidup Orang Asal ini telah berasimilasi berikutan penghijrahan orang Minangkabau (Orang Perantau) yang berasal dari Pagaruyung, Sumatera Barat. Penghijrahan oleh Orang Perantau secara berperingkat awalnya telah berlaku di antara abad ke-12 hingga ke-15 melalui Siak. Kemudian, Orang Perantau telah meneruskan perjalanan ke Johor lantas ke Naning dan Rembau. Kehadiran Orang Perantau ke Rembau telah dinukilkan menerusi teromba, “Gagak hitam gagak senoi, turun ke bukit berkaki empat. Bangau putih, datang dari laut berkepak sayap” (Nordin Selat, 2015). Teromba ini bermaksud ‘gagak hitam’ adalah Orang Asal yang berkehidupan di pedalaman dan berbukit sementara ‘bangau putih’ adalah orang Perantau yang datang dari laut dengan menggunakan jong dilengkapi layer.

Sungguhpun begitu, penghijrahan Orang Perantau mulai tahun 1699 telah membentuk landskap baharu bagi cara hidup di Johol. Pergerakan Orang Perantau dari Sekudai ke Pasir Besar dan akhirnya sampai ke Air Keruh menandakan bermulanya aktiviti asimilasi antara Orang Asal dan Orang Perantau. Tok Batin iaitu ketua Orang Asal di Air Keruh yang kemudiannya ditukar nama kepada Johol telah menyambut baik kehadiran Orang Perantau. Pada ketika itu, perkampungan Orang Asal sudah sedia ada dan mereka yang meneroka Johol. Sesuai dengan perbilangan adat iaitu “Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak”, oleh sebab itu Orang Perantau perlu menyesuaikan diri dengan cara hidup Orang Asal di Johol. Maka, pertembungan cara hidup di antara Orang Asal dan Orang Perantau ini adalah tidak dapat dielakkan. Penerimaan dan peminjaman sebahagian cara hidup di antara mereka telah mewarnai kanvas kehidupan di Johol. Bukan sahaja Orang Perantau yang perlu menyesuaikan diri malah Orang Asal juga telah menerima cara hidup kelompok ini dengan harmoni. Keunikan cara hidup ini menunjukkan bahawa wujud toleransi kehidupan yang tinggi di antara Orang Asal dan Orang Perantau di Johol. Cara hidup masyarakat yang menggabungkan dua budaya ini dianggap berbeza adalah bermungkinan tidak sama dari sudut amalan dengan luak-luak yang lain di Negeri Sembilan secara praktisnya.

Persepsi ini pada hakikatnya adalah tidak diketahui ketepatannya kerana adat di Johol adalah berasaskan pengubahsuaian Adat Sebenar atau Adat Bona yang telah bersilang dengan Adat Perpatih. Istimewanya adat di Johol ini kerana asasnya adalah merujuk kepada cara hidup tempatan iaitu Orang Asal yang diubahsuai, diterima dan diserap oleh Adat Perpatih. Lebih unik lagi apabila kebijaksanaan tempatan ini turut disandarkan kepada syariat Islam. Maka dalam hal ini sering kali terjadi terdapat pandangan bahawa adat yang diguna pakai di Johol adalah Adat Perpatih sepenuhnya sedangkan realiti sebenar adalah Johol mengamalkan Adat Bona iaitu adat Orang Asal yang berasimilasi dengan Adat Perpatih. Akan tetapi, pengamatan seperti ini bukanlah perkara yang benar-benar baharu di dunia. Secara epistemologinya, pengamatan asimilasi terhadap cara hidup telahpun bermula seawal tahun 1920an di Amerika Syarikat. Secara teorinya, asimilasi adalah merupakan suatu proses di mana kelompok minoriti termasuk imigran berintegrasi secara sosial dan budaya untuk menyesuaikan diri dengan kelompok dominan. Akhirnya, kelompok minoriti dilihat menerima cara hidup kelompok majoriti yang mana kesudahannya menyatukan mereka dalam cara hidup yang sama. Dan dalam konteks kajian ini, Orang Perantau yang merupakan

migran telah didapati berhijrah masuk ke Johol dan menetap bersama-sama penduduk awalnya iaitu Orang Asal.

Instrumen dan Metod Kajian

Pendekatan

Pendekatan kajian kualitatif adalah diguna pakai bagi menjawab objektif kajian yang ditetapkan sebagaimana cadangan Zhang dan Wildemuth (2009). Pendekatan kualitatif ini dilihat mampu menjelaskan dan memberi gambaran tepat terhadap ciri-ciri yang terdapat dalam sesuatu fenomena. Hal ini disokong oleh Creswell dan Poth (2016) dengan menyatakan pendekatan penyelidikan kualitatif bertujuan untuk mewujudkan makna sesuatu fenomena. Sementara Patton (2002) turut menegaskan pendekatan kualitatif juga membolehkan pengkaji mendekati, memahami dan menjelaskan fenomena yang berlaku dalam masyarakat.

Reka bentuk

Dalam menjayakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan reka bentuk secara temu bual sebagaimana saranan Arrarki dan Bustami (2025). Ia dilakukan secara bersemuka bersama informan dan soalan dilontarkan secara separa berstruktur. Justifikasi temu bual secara separa berstruktur diguna pakai adalah bagi membolehkan data secara terperinci diperolehi berhubung asimilasi dan cara hidup dalam masyarakat. Ia berdasarkan penjelasan Schensul et al. (1999) bahawa temu bual separa berstruktur adalah terbaik untuk menjelaskan faktor dan subfaktor dalam kajian.

Persampelan

Persampelan bertujuan adalah digunakan dalam kajian ini dengan memilih enam orang sampel yang berperanan sebagai informan. Sampel yang dipilih telah bersetuju untuk terlibat sama dalam temu bual dan ia dilakukan secara sukarela. Mereka yang dipilih adalah individu utama yang memelihara cara hidup masyarakat secara langsung di Undang Luak Johol. Menurut Zulkifli dan Yusoff (2022), sampel lima orang adalah praktikal bagi sesi temu bual berhubung budaya sekiranya melakukan temu bual mendalam. *Jadual 1* adalah merupakan senarai nama informan dan justifikasi pemilihannya.

Jadual 1. Senarai informan temu bual dan justifikasi pemilihan.

Nama	Informan	Justifikasi
Muhammad Abdullah	Informan 1	Y.T.M Dato' merupakan Undang Luak Johol yang ke-15 bermula pada 7 Oktober 2016. Baginda mempunyai fungsi kuasa secara mutlak di kawasan jajahan adatnya iaitu di Johol dari daerah Kuala Pilah, Gemencheh dan Gemas dari daerah Tampin, serta Jeram Padang dan Palong dari daerah Jempol.
Alam Suhut	Informan 2	Y.M Dato' merupakan Dato' Batin di Luak Johol bermula pada tahun 1993. Beliau mempunyai fungsi sebagai tempat rujukan penyelesaian permasalahan yang berbangkit dalam kalangan Orang Asal. Y.M Dato' berada di kedudukan paling atas dalam organisasi masyarakat Orang Asal.
Abu Samah Mahat	Informan 3	YBhg. Dato' merupakan antara individu rujukan berhubung pengamalan Adat Bona di Luak Johol. Beliau yang merupakan Ahli Undangan Negeri (ADUN), Negeri Sembilan bagi kerusi Johol pada tahun 2013 hingga 2018 telah membesar bersama ibu dan neneknya. Maka hal ini membolehkan YBhg. Dato' faham akan sistem adat yang dipraktikkan dalam kalangan keluarga dan masyarakat.
Ab. Manas Itam	Informan 4	Cikgu Ab. Manas merupakan antara individu rujukan berhubung pengamalan Adat

Ali Ibrahim

Informan 5

Perpatih di Johol dan Negeri Sembilan. Beliau dianggap sebagai tokoh dan orang tua yang bijak serta berpengalaman dalam praktik Adat Perpatih. Encik Ali merupakan adik kepada Y.M Dato' Baginda Hj. Sahabudin Bin Hj. Ibrahim. Beliau merupakan individu rujukan berhubung pengamalan adat di Luak Johol. Encik Ali turut mahir dalam ilmu alatan senjata bagi tujuan kebesaran di Luak Johol.

Instrumen

Temubual separa berstruktur ke atas informan dilakukan berdasarkan soalan-soalan yang dibina. Semua soalan ini dibina oleh penyelidik berasaskan kajian literatur yang telah dibuat bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan pada peringkat awal. Soalan-soalan ini merangkumi soalan bahagian pendahuluan bagi memperolehi maklumat latar belakang informan, soalan bahagian intipati bagi memperolehi maklumat sebagaimana penetapan objektif kajian dan soalan bahagian penutup bagi memperolehi maklumat tambahan sekiranya ada. Sementara itu, soalan bahagian intipati pula terdiri daripada dua kategori soalan iaitu soalan utama dan soalan cungkulan.

Prosedur

Di peringkat awal, pengkaji telah mengedarkan surat persetujuan kepada informan untuk menjalani temu bual secara rakaman suara. Hanya informan yang menandatangani surat persetujuan tersebut telah dipelawa untuk terlibat dalam sesi temu bual. Dalam melaksanakan temu bual, pengkaji telah bertindak sebagai moderator. Setiap informan diberikan penerangan tentang tujuan kajian sebagaimana cadangan Nyumba et al. (2018) dan informan tersebut juga diberi peluang untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa prejudis. Informan turut dimaklumkan bahawa semua maklumat yang diberikan akan digunakan bagi tujuan akademik.

Analisis data

Temu bual separa berstruktur yang dirakam telah ditranskripsi dalam bentuk MS Word 2013 dan dihantar semula kepada informan untuk tujuan pengesahan. Transkripsi yang telah menjalani proses pengesahan akhirnya dianalisa pada peringkat kata, frasa dan ayat yang berkaitan bagi menjawab objektif kajian seperti yang dicadangkan oleh Lune dan Berg (2017). Menerusi ketetapan berikut, data yang dikehendaki untuk menjawab objektif kajian dapat diperolehi (Marican, 2006). Data yang diperolehi ini kemudiannya dianalisis dan dipersembahkan secara naratif dengan sokongan kata-kata informan.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Asas pemerintahan

Penghijrahan Orang Perantau dari Sekudai ke Air Keruh (nama lama Johol) adalah lebih memberi makna. Kehadiran Orang Perantau ke Johol telah menunjukkan penerimaan Orang Asal terhadap mereka. Ia dikuatkan lagi dengan pandangan iaitu, "Prinsip Orang Asal ini... dia tidak mahu bergaduh. Dia mahu berbaik". Maka dalam hal ini, asimilasi cara hidup antara Orang Asal dan Orang Perantau telah mula terbentuk. Hal ini dapat diperhatikan menerusi peraturan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak atas maksud kepentingan bersama. Keadaan ini pastinya memerlukan penerimaan terhadap peranan dan kedudukan dalam kehidupan masing-masing. Hal ini diperkuatkan

lagi dengan wujudnya permuafakatan antara kedua-dua pihak terutamanya menerusi ketua Orang Asal dan Orang Perantau. Kesediaan mengikat janji antara Orang Asal dan Orang Perantau membolehkan mereka menerima antara satu sama lain sehingga terbitnya perjanjian menerusi kata-kata sebagaimana penekanan iaitu “Sawah yang lebar, pinang yang berjijir, kampung yang banyak... Undang yang punya. Hutan, gunung-ganang... Tok Batin yang punya.” Hal ini disokong apabila menyatakan, “Kau (Orang Perantau) perintah orang luar... Saya (Tok Batin) perintah di bukit yang tinggi, hutan yang luas dan laut yang dalam”. Sementara itu, kajian lepas turut mempunyai pandangan yang sealiran iaitu, “...kita bagi kau (Orang Perantau) kawasan memerintah. Kampung yang luas, sawah, kambing, lembu. Aku (Orang Asal) jaga hutan yang luas, bukit yang tinggi, gaung yang dalam, semua yang dalam lautan”. Manakala, pengkaji terdahulu Jangga et al. (2023) turut memperihalkan perkara yang sama iaitu, “Bukit yang tinggi, gaung yang dalam, hutan yang luas, Abang (Orang Asal) yang perintah. Sawah yang luas, kampung yang luas, Adik (Orang Perantau) yang perintah”. Tumpuan kepada pembahagian asas pemerintahan ini adalah sebagaimana *Jadual 2*.

Jadual 2. Pembahagian asas pemerintahan orang asal dan orang perantau.

Orang asal	Orang perantau
Hutan yang luas	Sawah yang lebar/luas
Gunung-ganang	Pinang yang berjijir
Bukit yang tinggi	Kampung yang banyak/luas
Gaung yang dalam	Kambing dan lembu
Laut yang dalam	

Sumber: Jangga et al. (2023).

Sungguhpun telah disepakati tentang pembahagian asas pemerintahan ini, akan tetapi wujud pula kerisauan tentang bentuk pemerintahan yang bakal diamalkan oleh Orang Perantau di Johol. Maka, diwujudkan jawatan ‘Tok Jenang’ yang berperanan sebagai penghubung di antara Orang Asal dan Orang Perantau. ‘Tok Jenang’ yang diumpamakan jendela ditugaskan untuk membawa adat Orang Asal ke dalam pentadbiran baharu di Johol. Menurut kajian lepas, “Kau (Tok Batin) dah memerintah. Macam mana aku (Tok Jenang) nak memerintah ni? Dia (Tok Batin) cakap kau (Tok Jenang) bawak keluar adat kita ni”. Nada ini adalah selari dengan pandangan dahulu iaitu, “Jenang ni adalah tingkap iaitu perantaraan luar (Orang Perantau) dan dalam (Orang Asal)”.

Kepercayaan animisme kepada Islam

Orang Asal telah lama bertapak di Johol dengan mengamalkan cara hidup yang tersendiri. Kebanyakan antara mereka hidup dengan berpegang kepada kepercayaan animisme. Kepercayaan ini memperlihatkan pengamalannya mempercayai bahawa semua benda di bumi mempunyai roh, semangat atau mahluk halus. Benda di bumi yang dimaksudkan adalah seperti hutan, bukit, sungai, pokok dan batu besar. Oleh itu, semua kehidupan yang wujud di muka bumi adalah mesti dihormati. Hal ini kerana roh atau semangat baik yang diberi rasa hormat diharapkan dapat membantu dan memudahkan kehidupan seharian mereka. Sebaliknya, roh atau semangat jahat pula dihormati agar ia tidak mengganggu dan memporak-perandakan kehidupan. Kepercayaan animisme dalam kalangan Orang Asal bertapak kukuh disebabkan kehidupan mereka amat rapat dengan alam. Hal ini tidak menghairankan kerana Orang Asal tinggal dan menetap di

dalam hutan untuk berkehidupan. Maka, mereka telah mengamati benda-benda di hutan yang dipercayai mempunyai roh atau semangat untuk dihormati seterusnya dipuja. Tidak terhenti setakat itu, mereka juga mempelajari ilmu atau berguru bersumberkan kepada alam. Penelitian ke atas perkara ini yang bertujuan untuk kelangsungan hidup akhirnya telah melahirkan ungkapan kata-kata dan panduan hidup berasaskan pemerhatian kepada alam. Kajian lepas mempotretkan bahawa “Tok Batin ni... dia berpandukan kepada alam. Jadi, alam dia jadikan guru”.

Selain mengamalkan kepercayaan animisme, terdapat juga segelintir daripada Orang Asal yang berpegang kepada pendirian pemikiran bebas atau free thinker. Mereka yang berpendirian free thinker berpendapat kepercayaan terhadap roh atau semangat adalah tiada kaitan atau tiada kena-mengena dengan kehidupan. Sehubungan itu, mereka bebas untuk berfikir dan bertindak tanpa membabitkan sebarang isu kepercayaan terhadap benda-benda di bumi. Rentetan itu, cara untuk berfikir dan bertindak oleh golongan ini adalah berdasarkan kepada pertimbangan akal semata-mata serta bersedia terhadap wujudnya sebarang kemungkinan. Hal yang diutamakan adalah melakukan sesuatu perkara dengan sehabis baik untuk membuktikan dirinya adalah benar. Apabila Orang Perantau hadir ke Johol, mereka turut membawa sistem kepercayaan yang dipegang iaitu berteraskan Islam. Ajaran Islam memerintahkan agar manusia perlu tunduk dan patuh kepada Allah serta mengakui bahawa nabi Muhammad adalah pesuruhNya. Oleh itu, lima perkara dasar dianggap asas yang wajib bagi penganut Islam iaitu rukun Islam adalah perlu dikerjakan. Rukun-rukun berkenaan adalah mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji bagi yang mampu. Selain itu, penganut agama Islam juga perlu percaya kepada rukun iman yang telah ditetapkan iaitu beriman kepada Allah, malaikat, kitab, rasul, hari akhirat serta qada dan qadar. Kesan daripada kehadiran Orang Perantau yang beragama Islam maka ia telah menyebabkan berlaku perubahan kepada kepercayaan dan amalan Orang Asal sebahagian besarnya. Kepercayaan dan amalan yang didapati bertentangan dengan rukun serta kepercayaan agama Islam dan hukum-hakamnya telah dibersih atau dihilangkan secara perlahan-lahan. Namun demikian, hal-hal asas atau tonggak kepada adat Orang Asal tidak dihilangkan tetapi digantikan dengan aturan yang ditambah baik selari dengan hukum syariat Islam. Hasil daripada perubahan ini, maka wujud teromba “Adat Bersendi Hukum. Hukum bersendi Syarak. Syarak Bersendi Kitabullah” bagi menggambarkan terdapatnya kegiatan menukar adat di Johol yang berasaskan animisme kepada Islam.

Adat bona

Adat Benar (Adat Bona) merupakan adat kebiasaan yang dilakukan oleh Orang Asal yang menetap di Johol. Ia diperturunkan dari generasi ke generasi secara verbal. Menurut kajian lepas, Adat Bona telah pun wujud sebelum kehadiran Orang Perantau. Adat ini wujud hasil daripada kebijaksanaan pemikiran Orang Asal bagi mencari kebenaran dalam hidup. Semua aspek kehidupan telah disusun dari segi adat kebiasaannya dan ia menjadi panduan kepada kerukunan bermasyarakat. Tujuan pengamalan Adat Bona adalah untuk menganjurkan hidup bersepakat dan turut mencegah daripada perbuatan yang boleh menyinggung orang lain. Pengamalan Adat Bona ini hakikatnya mempamerkan kearifan tempatan oleh Orang Asal. Hal ini termasuk menyediakan suatu set tindakan yang bersifat membalas sekiranya berlaku kejadian berbentuk perlakuan cedera. Konsep timbal balik ini bertujuan untuk menguatkuasakan kebenaran yang bersifat mempertahankan dan membela setiap anggota

masyarakat daripada dianiya. Oleh itu, pembalasan berbentuk sama atau serupa serta setimpal terhadap sesuatu kejadian yang berlaku akan dikenakan kepada individu pelaku yang menyakiti orang lain. Dengan cara ini, keharmonian hidup menurut kaca mata Orang Asal akan terbina dan terpelihara apabila sesuatu perkara buruk dapat dielakkan. Walau bagaimanapun selari dengan kehadiran golongan Perantau, maka amalan Adat Bona yang dipraktikkan di Johol ini turut menerima kesan. Hal ini berlaku disebabkan Orang Perantau yang hadir adalah memegang kepercayaan kepada agama Islam. Oleh itu, Adat Bona yang bertunjangkan penjagaan keharmonian dengan mengamalkan pembalasan telah mengalami penyesuaian. Penyesuaian ini dibuat sejajar dengan penekanan agama Islam iaitu cara hidup manusia adalah perlu berpandukan kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, pembinaan keharmonian dalam kalangan masyarakat adalah masih diteruskan akan tetapi konsep pembalasan kepada pelaku telah digantikan kepada konsep timbal salah.

Ubah dan terima konsep timbal salah ini menggambarkan bahawa berlaku penerimaan terhadap Orang Perantau oleh Orang Asal di Johol. Misalnya, perlakuan yang menyebabkan berlakunya pendarahan kepada seseorang sudah tidak lagi dibalas dengan menumpahkan darah kepada pelakunya. Sebaliknya ia ditimbal salah dan ditebus dengan denda berupa seekor kambing, lembu atau kerbau bagi tujuan menjamu keluarga mangsa. Situasi ini mempotretkan bahawa kearifan tempatan oleh Orang Asal terhadap Adat Bona masih dijadikan sebagai asas dalam berkehidupan. Malah, keadaan ini telah memperkuatkan kedudukan Adat Bona semenjak daripada hari itu. Kajian lepas menegaskan bahawa, “Oleh kerana yang datang ini orang Islam... jadi di-Islamkan. Maka Adat Bona menerima pengaruh luar (Islam). Jadi ia diselaraskan.” Kini, amalan Adat Bona yang diperkenalkan oleh Orang Asal dan disulami oleh ajaran Islam yang dibawa oleh golongan Perantau telah diterima pakai di keseluruhan Johol. Kearifan tempatan ini didapati menjadi teras berkehidupan oleh masyarakat Johol malah ia turut dijadikan rujukan dan perbandingan oleh Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan. Sungguhpun berada dalam satu negeri, akan tetapi pengamalan Adat Bona oleh Johol adalah berbeza dengan luak lain di Sungai Ujong, Rembau dan Jelebu. Hal ini turut diperjelas iaitu “Kita di Johol tidak mengatakan adat di Johol berteraskan Adat Minang tetapi berteraskan Adat Bona”. Tambahnya lagi, “Di Johol ni Adat Perpatih tu hanya sebagai tampalan Adat Bona” (*Jadual 3*).

Jadual 3. Sebahagian adat Bona Orang Asal.

No	Perkara	Huraian
1	Kepercayaan Animisme	Percaya terhadap roh, semangat dan mahluk halus yang dimiliki oleh semua benda di bumi. Oleh itu, ia perlu dihormati dan dipuja.
2	Nasab	Orang Asal menggunakan nasab perut ibu yang memberi keutamaan kepada golongan perempuan.
3	Tanah Pusaka	Golongan perempuan misalnya kakak perempuan dan adik perempuan berhak untuk mewarisi tanah pusaka yang ditinggalkan oleh orang tua mereka.
4	Meminang	Pihak lelaki akan mengadakan hantaran meminang tanpa ada balasan daripada pihak perempuan. Hantaran adalah berupa cincin, sikat, jarum, payung, kasut dan barangan lain.
5	Nikah	Mempunyai akad dan mas kahwin untuk upacara nikah.
6	Kahwin	Perkahwinan dalam kalangan adik beradik adalah tidak dibolehkan. Sementara perkahwinan sepupu adalah dibolehkan namun tidak digalakkan.
7	Kenduri Kahwin	'Orang biasa' perlu membuat kenduri kahwin selama sehari dan diadakan penyembelihan ayam untuk tujuan kenduri.
8	Sebelum Bersalin	Perempuan yang bakal bersalin akan membuat upacara lenggang perut. Bidan akan melaksanakan urutan badan dan lenggang perut berkenaan.
9	Keluarga	Struktur dalam keluarga perlu ada kedudukan. Anak-anak perlu mendahulukan orang tua dan hormat akan mereka.
10	Kodim	Sesorang itu diterima masuk menjadi ahli sesuatu suku. Ia memerlukan darah daripada wakil kepada suku dan darah yang ingin masuk suku berkenaan dicecahkan bersama.
11	Kematian	Keluarga si mati akan membuat kenduri selama 3 hari, 7 hari, 14 hari, 40 hari dan 100 hari.

12	Perubatan	Lazimnya kenduri ada dibuat pembakaran kemenyan. Dukun atau lebih dikenali Poyang akan menyanyi dengan bait-bait tertentu untuk memuja alam misalnya gunung-ganang.
13	Makan	Ayah perlu memulakan makan terlebih dahulu. Kemudian, barulah anak-anak boleh makan bersama-sama.
14	Bina Rumah	Perlu bertanya kepada bukit, tanah dan air serta dimohon alamat (petunjuk). Lazimnya, akan ada orang tua yang datang untuk memberi nasihat.
15	Menyemah	Pemujaan kawasan kampung yang bertujuan untuk menghalau hantu jauh ke hilir sungai.
16	Hukuman	Hukuman yang ingin dilaksanakan perlu terlebih dahulu diterangkan kesalahannya. Sebelum itu, kesalahan tersebut perlu diselidiki dan mempunyai saksi.
17	Duduk serumah dengan perempuan	Tidak boleh seorang lelaki tinggal serumah dengan perempuan yang belum dikahwininya. Perilaku ini dinamakan 'sumbang perbuatan' dan hukumannya adalah perlu bernikah.

Kesimpulan

Konklusi daripada kajian ini mempotretkan bahawa dapatan berhubung kepercayaan adalah kelihatan lazim kerana pertembungan cara hidup Orang Asal dan Orang Perantau akhirnya menyebabkan sebahagian besar Orang Asal menganuti agama Islam. Hal ini kelihatan lazim disebabkan majoriti penduduk di Tanah Melayu pada ketika itu telah menganuti agama Islam terlebih dahulu. Namun, dapatan mengenai asas pentadbiran dan adat bona memperlihatkan terdapat keunikan dalam pertembungan cara hidup. Ia berikutan kerana wujudnya peminjaman elemen cara hidup oleh Orang Asal daripada Orang Perantau tanpa mengubah identiti mereka. Pengasimulasian ini menunjukkan cara hidup Orang Asal dan Orang Perantau telah tersulam dan hal ini telah memperkukuhkan cara hidup yang diamalkan walaupun ada sebahagian cara hidup Orang Asal yang telah disesuaikan berikutan rasa hormat terhadap agama Islam.

Hal yang dipelajari dalam perkara ini adalah cara hidup Orang Asal di Johol didapati turut berasimilasi dengan cara hidup Orang Perantau yang pada kebiasaannya cara hidup komuniti tempatan dilihat lebih kalis dengan cara hidup yang di bawa daripada luar. Sungguhpun begitu, Orang Perantau pada masa yang sama turut berbangga dalam meneruskan cara hidupnya dan lebih penting mereka telah menerima cara hidup Orang Asal sebagai tunjang kehidupan menerusi asas pentadbiran serta adat bona. Perkara ini membuktikan cara hidup tempatan dan luar adalah saling meminjam serta menerima untuk kelangsungan berkehidupan. Oleh itu, penulisan ini telah menjawab objektif iaitu telah meneliti pertembungan cara hidup Orang Asal dan Orang Perantau serta asimilasi yang melibatkan kedua-duanya.

Implikasi daripada hal ini ialah, cara hidup unik ini perlu ditonjolkan dengan lebih giat dan ketara dalam kalangan masyarakat di Johol. Ia berikutan terdapatnya generasi muda yang kurang sedar terhadap cara hidup terdahulu memandangkan sejarah kehidupannya hanya diperturunkan daripada mulut ke mulut. Diharapkan dengan adanya penulisan ini maka ia mampu menyumbang kepada memperbanyakkan perbincangan korpus ilmu berhubung cara hidup dalam masyarakat khususnya di Johol dan amnya di Negeri Sembilan. Namun begitu, masih terdapat banyak lompong lagi yang boleh diterokai berhubung penelitian cara hidup di Johol ini. Kajian secara mendalam menerusi temu bual ditambah dengan teknik pemerhatian boleh dilaksanakan untuk memperdalam cara hidup berhubung kepercayaan, asas pentadbiran dan adat bona. Sementara, elemen-elemen cara hidup yang tidak disentuh misalnya bahasa, komunikasi, struktur sosial dan budaya juga boleh turut diselidiki.

Penghargaan

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas artikel adalah seperti berikut: pengenalan: Zahrul Akmal Damin; sorotan literatur: Zahrul Akmal Damin, Fauziah Ani; metodologi kajian: Zahrul Akmal Damin; lapangan: Fauziah Ani, Zahrul Akmal Damin, Shahidah Hamzah, Norizan Rameli, Nur Azah Razali, Harliana Halim, Nor Shela Saleh, Riki Rahman, Nurul Aimi Razali, Lutfan Jaes dapatan dan perbincangan: Zahrul Akmal Damin, Fauziah Ani, Shahidah Hamzah; kesimpulan: Norizan Rameli. Sebagai pemakluman, kertas artikel ini ditulis untuk pembentangan dalam 8th International Conference on Human Sustainability dan kajian ini dijalankan dengan sokongan peruntukan daripada Pejabat Undang Luak Johol, Negeri Sembilan.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan kertas artikel ini.

RUJUKAN

- [1] Arrarki, R., Bustami, M.R. (2025): Merantau to Malaysia: Perspectives of Indonesian migrant workers in Penang, Malaysia. – *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities* 6(2): 42-56.
- [2] Creswell, J.W., Poth, C.N. (2016): *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. – Sage Publications 414p.
- [3] Jangga, R., Ali, A., Yaakob, A.N. (2023): Kajian Analisis Peranan Tok Biah Di Dalam Adat Dan Kepercayaan Orang Asli Jakun, Bekok, Labis, Johor. – *International Journal of Advanced Research in Education and Society* 5(2): 86-100.
- [4] Lune, H., Berg, B.L. (2017): *Qualitative research methods for the social sciences*. – Pearson 251p.
- [5] Marican, S. (2006): *Penyelidikan sains sosial: Pendekatan pragmatik*. – Edusystem 238p.
- [6] Nordin Selat, A.H. (2015): *Sistem sosial adat Perpatih*. – *Akademia* 41p.
- [7] Nyumba, T.O., Wilson, K., Derrick, C.J., Mukherjee, N. (2018): The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation. – *Methods in Ecology and Evolution* 9: 20-32.
- [8] Patton, M.Q. (2002): *Qualitative research and evaluation methods*. – Thousand Oaks: Sage Publications 690p.
- [9] Schensul, S.L., Schensul, J.J., LeCompte, M.D. (1999): *Ethnographer's toolkit: [all the tools needed to begin doing ethnographic research in one package...]*. 2. *Essential ethnographic methods: observations, interviews, and questionnaires*. – Altamira Press 318p.
- [10] Zhang, Y., Wildemuth, B.M. (2009): *Qualitative analysis of content*. – *Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science* 308(319): 12p.
- [11] Zulkifli, N., Yusoff, M.Y.M. (2022): Elemen-Elemen Sosiobudaya dalam Kalangan Masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor. – *Jurnal Wacana Sarjana* 6(2): 1-13.